



HRD CORP MALAYSIA BEKERJASAMA DENGAN INDMO TIMOR-LESTE MERINTIS INDEKS LATIHAN NASIONAL PACU AGENDA KEMAHIRAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 1 Oktober 2025 – Malaysia, menerusi Human Resource Development Corporation (HRD Corp), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), telah memeterai kerjasama dengan National Institute for Workforce Development (INDMO) Timor-Leste untuk membangunkan Indeks Latihan Nasional (NTI) pertama negara tersebut, iaitu sebuah mekanisme strategik bagi perancangan tenaga kerja berasaskan bukti dan pertumbuhan ekonomi inklusif.

Kerjasama ini dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) sempena Minggu Kemahiran Antarabangsa Timor-Leste ke-2 di Pusat Konvensyen Dili dari 15 hingga 19 September 2025, yang telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Timor-Leste, Encik Francisco Kalbuadi Lay.

NTI yang dipelopori oleh HRD Corp di Malaysia merupakan satu mekanisme komprehensif yang mengukur aktiviti latihan nasional, mengenal pasti jurang kemahiran serta menyediakan syor dasar yang boleh dilaksanakan bagi memperkukuh kesiapsiagaan tenaga kerja. Penyesuaiannya untuk Timor-Leste menandakan detik bersejarah dalam pemindahan ilmu serantau sekali gus menetapkan penanda aras baharu bagi kerjasama ASEAN pada masa hadapan.

Berucap pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Strategi HRD Corp, Dr. Rony Ambrose Gobilee menekankan pengalaman Malaysia dalam membangunkan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang inklusif dan mampan, sambil menegaskan peranan penting inovasi, data dan pembelajaran sepanjang hayat.

UNTUK SIARAN SEGERA

“Perjalanan Malaysia telah membuktikan bahawa pembangunan kemahiran inklusif adalah asas kepada pertumbuhan negara. Melalui perkongsian kepakaran bersama Timor-Leste, kita bukan sahaja dapat menguatkan hubungan dua hala malah turut menguatkuasakan visi bersama ASEAN terhadap tenaga kerja masa hadapan,” katanya.

Menerusi MoU tersebut, HRD Corp dan INDMO akan mewujudkan penjenamaan bersama sebagai rakan strategik jangka panjang dalam transformasi kemahiran, memudah cara kerjasama penyelidikan, meneroka pelaksanaan sistem levi latihan serta bertukar program latihan, kandungan pendidikan dan kepakaran profesional melalui sebuah pasaran latihan bersama.

Kerjasama ini turut menyokong Tahun Kemahiran ASEAN (AYOS) 2025 serta meletakkan Timor-Leste pada kedudukan kukuh menjelang penganjuran Perhimpunan Agung Dunia Kemahiran Asia ke-10 pada tahun 2026.

“Timor-Leste sedang mengorak langkah berani dalam transformasi tenaga kerja. Malaysia, melalui HRD Corp, berbangga untuk menyokong perjalanan ini, membantu membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing, inklusif dan berhubung di peringkat global yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada Timor-Leste tetapi juga rantau ASEAN dan dunia,” tambah Dr. Rony.

Kerjasama ini yang memanfaatkan kepakaran serta pengalaman Malaysia dalam pembangunan modal insan merupakan satu langkah penting dalam membina tenaga kerja Timor-Leste yang berdaya saing, inklusif dan bersedia untuk masa depan. Selaras dengan AYOS 2025, kerjasama ini merapatkan bakat serantau serta menetapkan penanda aras baharu dalam transformasi kemahiran, sekali gus memperkukuh visi bersama ASEAN untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, mudah alih serta berhubung di peringkat global.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) merupakan agensi peneraju kerajaan Malaysia bagi pembangunan modal insan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Diurus selia oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRD Corp bertanggungjawab terhadap kutipan serta pentadbiran levi pembangunan sumber manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Tanggungjawab ini merangkumi usaha menggalakkan latihan, latihan semula serta peningkatan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, untuk menyelaraskan keupayaan mereka dengan keperluan majikan serta aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Usaha ini memastikan tenaga kerja Malaysia kekal berdaya saing di samping mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi semasa dan masa depan.

HRD Corp juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pasaran latihan di Malaysia, memacu inovasi, kualiti dan akses inklusif kepada pembangunan kemahiran di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.